



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

06 MAC 2021 (SABTU)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

06 MAC 2021 (SABTU)



Alexander (dua dari kiri) bersama Timbalannya, Datuk Rosol Wahid (kiri) selepas Majlis Pelancaran Kempen Pembudayaan Norma Baharu COVID-19 Sektor Peruncitan di Pasar Kedai Payang, Kuala Terengganu, semalam.

(Foto Ghazali Kori /BH)

Berdasarkan pemeriksaan terhadap 402,929 premis hingga 1 Mac lalu, pematuhan SOP sektor peruncitan di seluruh negara adalah pada kadar 97.9 peratus.

Alexander Nanta Linggi,
Menteri Perdagangan
Dalam Negeri dan
Hal Ehwal Pengguna

Pematuhan SOP sektor peruncitan tinggi

Kuala Terengganu: Kerajaan mendapati kadar pematuhan prosedur operasi standard (SOP) bagi mengekang penularan pandemik COVID-19 di sektor peruncitan setakat ini, amat tinggi.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata berdasarkan pemeriksaan terhadap 402,929 premis hingga 1 Mac lalu, pematuhan SOP sektor peruncitan di seluruh negara adalah pada ka-

dar 97.9 peratus.

"Daripada pemeriksaan ini, KPDNHEP (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) mengeluarkan sebanyak 151 kompaun," katanya pada Majlis Pelancaran Kempen Pembudayaan Norma Baharu COVID-19 Sektor Peruncitan di Pasar Kedai Payang di sini, semalam.

Alexander berkata, kementerian memilih pasar utama di seluruh negara sebagai sasaran

Kempen Pembudayaan Norma Baharu COVID-19 Sektor Peruncitan iaitu Pasar Kedai Payang di sini; Pasar Satok di Kuching, Sarawak; Pasar Kraftangan di Kota Kinabalu, Sabah; Pasar Siti Khadijah di Kota Bharu, Kelantan; Pekan Rabu di Alor Setar, Kedah; dan Pasar Chowrasta di Georgetown, Pulau Pinang.

Pasar yang menjadi tumpuan pelancong domestik ini akan dipersiap bagi memastikan ia dapat menerima pengunjung dari da-

lam dan luar negeri dengan pematuhan SOP tinggi, apabila sektor pelancongan domestik dibuka kelak.

Dalam perkembangan lain, Alexander meminta pengguna melaporkan kepada KPDNHEP atau pihak berkuasa jika ada mana-mana pihak mendakwa mereka menjual vaksin COVID-19.

"Setakat ini belum ada aduan, tetapi kita akan sentiasa memantau agar ia tidak berlaku," katanya.

BERNAMA

 New fuel prices March 4 - March 10		
RON95	RON97	Diesel
RM2.05 (unchanged)	RM2.35 (unchanged)	RM2.15 (unchanged)

 Senarai Harga Barang Keperluan	• Ayam	RM5.99	• Telur Gred A	RM9.19	• Gula Pasir	RM2.85	• Cili Merah	RM7.99
	• Daging Lembu Tempatan	RM34	• Ikan Kembung	RM8.99	• Bawang Besar Holland	RM2.99	• Kubis Bulat Tempatan	RM3.59
	• Daging Lembu Import	RM18.90	• Minyak Masak	RM5.30	• Bawang Putih	RM6.49	• Tepung Gandum	RM2.15
*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP								

Jangan salahkan Bersatu jika ramai lompat parti

Oleh **ASLINDA NASIR**
aslinda.nasir@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) tidak akan menghalang mana-mana ahli Parlimen yang mahu menyertai parti itu.

Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Bersatu, Datuk Rosol Wahid berkata, jika ahli politik terbabit lebih tertarik untuk menyertai Bersatu mereka akan menerimanya demi mengukuhkan parti.

Oleh itu kata Rosol, UMNO tidak seharusnya menunding jari kepada Bersatu yang dituduh cuba menghancurkan parti mereka.

"Masa sekarang bukan 'tarik tak



ROSOL WAHID

tanak'. Tetapi siapa tawarkan lebih baik. Semua tak boleh nak kata apa pun sekarang sebab dunia kini

tanpa sempadan.

"Kita buat tawaran kepada mereka, kalau tawaran kita baik, maknanya kita dapat lah," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Kelmarin, Ahli Parlimen Sekijang dari PKR, Natrah Ismail mendakwa dikunjungi dua individu yang menawarkan ganjaran dan jawatan tinggi dalam kerajaan sekiranya menyokong kepimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Dalam masa sama, Rosol mempertikai tindakan ahli UMNO yang berdiam diri mengenai tindakan Presiden parti, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Ha-

midu yang didakwa menandatangani surat sokongan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk diangkat menjadi calon Perdana Menteri.

"Jangan sibuk kata Bersatu nak hancurkan UMNO, ahli UMNO patutnya persoal dosa besar yang dibuat Presiden parti kamu sendiri apabila menyokong pembangkang.

"Bila itu berlaku, kenapa tak ada satu suara pun bunyi?

"Baik pemuda, wanita, kenapa semua diam pada tindakan Presiden kamu?

"Padahal itu dosa yang lebih besar harus dipertikaikan," katanya.